

02 FEB 2002

Singapura-Malaysia

S'PURA NAHI ENGGAN BAYAR HARGA BERPATUTAN BAGI AIR

Oleh: Tham Choy Lin

SINGAPURA, 2 Feb (Bernama) -- Singapura menafikan yang ia menagguhkan rundingan atau enggan membayar harga berpatutan bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia.

Jurucakap Kementerian Luar hari ini berkata republik itu menunggu Malaysia menjelaskan beberapa perkara utama bagi membolehkan para pegawai dari kedua-dua pihak menyambung rundingan bagi menyelesaikan perkara itu.

Jurucakap itu menyifatkan sebagai "mengelirukan" perbandingan antrara harga air yang dibeli oleh Hong Kong dari China dan harga yang dibayar oleh Singapura bagi air yang dibekalkan oleh Johor.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata rundingan mengenai pakej isu-isu dua hala yang tertangguh denhan Singapura menemui kebuntuan kerana kedua-dua pihak belum mencapai persetujuan mengenai harga baru bagi air yang dibekalkan oleh Malaysia sejak tahun 1960-an.

Dr Mahathir berkata Malaysia meminta harga yang berpatutan dan mahu isu itu diselesaikan segera kerana lagi lama ia ditangguhkan, lagi banyak kerugian yang ditanggung oleh Malaysia.

Singapura kini mengimport 350 juta gelen air mentah dari Johor pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen di bawah dua perjanjian yang tamat tempohnya pada 2011 dan 2061.

Jurucakap Kementerian itu berkata Malaysia pada 21 Feb tahun lepas telah menawarkan harga 60 sen bagi 1,000 gelen dan kadar itu dikaji setiap lima tahun.

"Singapura dengan 60 sen, diubahsuai dengan kadar inflasi setiap lima tahun sebagai harga air mentah melewati perjanjian sekarang. Sebagai sebahagian daripada pakej keseluruhan, kami juga menawarkan, walaupun tidak terikat untuk berbuat demikian, untuk membayar 45 sen bagi satu ribu gelen air yang diterima mengikut perjanjian sekarang," kata jurucakap itu.

Jurucakap itu menyebuit bahawa gaga baru harus dilihat dalam konteks pakaj keseluruhan yang juga meliputi pembayaran yang akan diterima oleh Malaysia bagi tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad di Singapura.

"Jumlah pembayaran yang diterima oleh Malaysia apabila perkara lain dimasukkan dalam pakej ialah melebihi RM1.5 bilion," kata jurucakap itu.

Pakej isu-isu yang dipersetujui oleh Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong pada lewat 1998 meliputi perjanjian baru air bagi republik itu, penempatan pusat pemeriksaan kastam Malaysia di stesen kereta api di sini, pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad di sini, pengeluaran caruman pencen bagi rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura dan penggunaan runag udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

Mengenai perbandingan yang dibuat oleh Dr Mahathir bahawa Hong Kong membayar RM8 bagi 1,000 gelen air mentah dari China, jurucakap itu berkata Malaysia tidak menanggung kos infrastruktur, operasi dan pelenggaraan bagi membekalkan air.

"Selama ini, Singapura menyerap kos pembinaan infrastruktur di Johorbagi membekalkan air seperti empangan, saluran paip, loji dan peralatan. Kami juga menanggung kos operasi," kata jurucakap itu.

Dr Mahathir berkata Malaysia bukan meminta RM8 tetapi meminta harga yang berpatutan kerana harga sekarang terlalu rendah.

-- BERNAMA

TCL FAZ